

1113MST 08 07 85

B BJJG AHD

ASEAN - MAHATHIR R R R R R

(I) 1985

KUALA LUMPUR, 8 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA VIETNAM MENYAHUT SECARA MEMBINA PENDEKATAN-PENDEKATAN ASEAN BAGI MENYELESAIKAN ISU KAMPUCHEA.

KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN (AMM) YANG KE-18 DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA USAHA-USAHA HENDAKLAH DIBUAT BAGI MENYEDARKANM VIETNAM TENTANG BETAPA PERLUNYA MENGADAKAN DIALOG BAGI MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH YANG MENGHALANG KEAMANAN DI KAMPUCHEA.

+ CABARAN TERBESAR POLITIK YANG DIHADAPI OLEH ASEAN MASAKINI, SEPERTI JUGA DI MASA LAMPAU, IALAH MASALAH KAMPUCHEA,+ KATANYA.

+ MALANGNYA, SEJAK AKHIR-AKHIR INI USAHA-USAHA ASEAN KURANG MENDAPAT SAMBUTAN.+ -- LAGI

0956MST 08 07 85

ASEAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

(ASEAN MENCADANGKAN SUPAYA DIADAKAN PERBINCANGAN SECARA TIDAK LANGSUNG ATAU +PERBINCANGAN BERPERANTARAAN+ DI KALANGAN PIHAK YANG TERBABIT DALAM ISU KAMPUCHEA ITU TETAPI HANOI DIKATAKAN MENOLAKNYA.)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERAKUAN BAGI MENDAPATKAN PENYELESAIAN YANG BERFAEDAH DALAM ISU KAMPUCHEA ITU BERGANTUNG KEPADA PENERIMAAN SEMUA PIHAK YANG TERBABIT DALAM SENGKETA ITU, UNTUK MEWUJUDKAN SATU KEADAAN YANG DAPAT DITERIMA OLEH SEMUA DAN TIDAK AKAN DIGUGAT OLEH SESIAPA PUN.

BELIAU BERKATA KEAMANAN, KESTABILAN DAN KESELAMATAN MERUPAKAN SATU PROSES YANG PERLU DIBENDUNG SEPANJANG MASA .

RAKYAT KAMPUCHEA JUGA MAHU HIDUP BEBAS DAN MERDEKA DI TANAH AIR MEREKA SENDIRI SEPERTI JUGA RAKYAT DI NEGERA-NEGERA LAIN DI SEMENANJUNG INDOCHINA DAN NEGERA-NEGERA LAIN. -- LAGI.

1025MST 08 07 85

D683

B 8542 AAB

ASEAN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN MESTI TERUS BERSABAR, SENTIASA AKTIF, BAGI MENIMBANGKAN SEBARANG KEMUNGKINAN DAN BERUSAHA DENGAN PENUH KEAZAMAN DAN KREATIF DALAM Mencari penyelesaian yang adil, produktif dan berfaedah kepada masalah Kampuchea.

BELIAU MENYENARAikan MASALAH-MASALAH BERIKUT YANG PERLU DIATASI BAGI MENCAPAI PENYELESAIAN ITU:

PENDERITAAN RAKYAT KAMPUCHEA MESTILAH DIHAPUSKAN SEMENTARA KESELAMATAN THAILAND MESTILAH DIJAMIN=

SEBUAH KERAJAAN HENDAKLAH DITUBUHKAN HASIL DARIPADA PERMUAFAKATAN DAN RAKYAT KAMPUCHEA DIBERIKAN PELUANG MENGGUNAKAN HAK MEREKA BAGI MEMBUAT PENENTUAN SENDIRI DAN MEMASTIKAN KAMPUCHEA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERDAULAT DAN BEBAS (INI BERMakNA TENTERA ASING TIDAK BOLEH BERADA DIBUMI KAMPUCHEA). -- LAGI.

1030MST 08 07 85

D699

B 8548 AAB

ASEAN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BAGI MENENTUKAN PENYELESAIAN ITU BERHASIL DARI SEGI KEAMANAN, KESELAMATAN DAN KESTABILAN ASIA TENGGARA UNTUK JANGKA PANJANG, IA HENDAKLAH TIDAK BERCORAK PROVOKATIF TERHADAP SEBARANG KUASA.

+KITA PERLULAH BERUSAHA Mencari penyelesaian politik yang mewujudkan asas keamanan di ASIA TENGGARA, yang mewujudkan prinsip hormat-menghormati antara satu dengan lain, yang mewujudkan prinsip tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri antara satu sama lain dan yang mewujudkan prinsip penyelesaian pasifik -- IAITU SEMUA PERTIKAIAN HENDAKLAH DISELESAIKAN SECARA AMAN,+ KATANYA.

ASEAN MESTILAH JUGA BERUSAHA Mencari penyelesaian yang boleh mencerahkan lagi prospek bagi mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini yang boleh menguatkan lagi keyakinan, persefahaman dan kerjasama. -- LAGI.

1100MST 08 07 85

D71D

B B554 AAB

ASEAN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR R R R R R

(I)

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU MENTERI-MENTERI LUAR BAHAWA MEREKA BERMESYUARAT PADA WAKTU YANG DIPENUHI OLEH CABARAN DAN PELUANG.

CABARAN-CABARAN ITU, KATANYA, MESTILAH DIHADAPI DENGAN AZAM YANG KREATIF DAN KUAT, DENGAN SECARA PRAKTIS BERPANDUKAN KEPADA KEPENTINGAN DAN KEHENDAK KEBANGSAAN KEMAJUAN MASA DEPAN ASEAN.

PELUANG-PELUANG ITU HENDAKLAH DIREBUTI DENGAN PENUH KEAZAMAN DAN BERPANDANGAN JAUH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAMA INI +KITA TIDAK PERNAH MENIKMATI KEADAAN SEBAIK INI+, SEPERTI PADA MASA PERGOLAKAN EKONOMI ANTARABANGSA DALAM TAHUN-TAHUN TUJUH-PULUHAN= APABILA BANYAK NEGARA DI BAHAGIAN LAIN DUNIA TERJEJAS, NEGARA-NEGARA ASEAN TERUS BERKEMBANG DAN PADA AMNYA MENJADI RANTAU YANG PALING PESAT BERKEMBANG DI DUNIA INI. -- LAGI.

1125MST 08 07 85

B B567 AAB

ASEAN - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

+KITA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA JENTERA PEMBANGUNAN LEMBAH PASIFIK DAN SISTEM EKONOMI SEDUNIA+ KATANYA.

+KITA MASIH SEBAHAGIAN DARIPADA PERTUMBUHAN IYU DAN MASA DEPAN MASIH BELUM GELAP LAGI+

+TETAPI KEADAAN DI AKHIR TAHUN LAPAN-PULUHAN BEGITU MENDESAK DAN BANYAK CABARAN YANG DIHADAPI+

BELIAU BERKATA BAHAWA PROSPEK UNTUK HARGA KOMODITI DALAM JANGKA PANJANG DAN SEDERHANA MEMERLUKAN ASEAN SUPAYA TERUS MENINGKATKAN KECEKAPAN.

DAYA PENGELUARAN PERLU DIPERTINGKATKAN KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI.

BERTAMBAHNYA DASAR PERLINDUNGAN DAN MANIPULASI PEMASARAN YANG DILAKUKAN SECARA TERANG-TERANG MEMERLUKAN ASEAN BERTINDAK LEBIH TEGAS LAGI DAN BERPADU TENAGA UNTUK MEMATAHKAN CENGKAMAN

INSTITUSI-INSTITUSI YANG DIWUJUDKAN OLEH MEREKA YANG MELAKUKAN PEMANIPULASI PEMASARAN.

KATANAYA ASEAN MENGHARGAI SEGALA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH JEPUN DAN AMERIKA DAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG BERHAK MEMBUKA ATAU MENUTUP PASARAN MEREKA.

+KITA MENENTANG TINDAKAN MEREKA YANG MEMPERJUANGKAN DASAR PERLINDUNGAN.+ -- LAGI.

1212MST 08 07 85

B 8568 AAB

ASEAN - MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KEADAAN SUASANA ANTARABANGSA YANG CEPAT BERUBAH, ASEAN MESTILAH TERUS MAMPU MENERIMA PERUBAHAN PASARAN DAN KEHENDAK BARANG KELUARAN DI PERINGKAT KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA.

IA MESTILAH MEMASTIKAN KETEGANGAN EKONOMI DI ANTARA RAKAN-RAKANNYA, AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN, TIDAK BERTAMBAH BURUK DAN SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMASTIKAN IA BERKURANGAN.

+ PADA KESELURUHANNYA KITA MESTILAH MEMASTIKAN BAHAWA PENYELESIAN ITU TIDAK MERUGIKAN KITA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN MESTILAH TERUS MEMASTIKAN SUPAYA ASEAN TERUS DIBERI PERHATIAN DAN MENJADI TUNGGAK DASAR LUAR MEREKA. -- BERNAMA.

1214MST 08 07 85